



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2017

JMK 321 – PUISI MELAYU MODEN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN (8)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Puisi “Sketsa Warga Kota” karya Baha Zain menceritakan secebis kisah masyarakat kota. Berpandukan pendekatan Sosiologi, tulis sebuah analisis kritis terhadap puisi tersebut. (Lampiran A).

(25 markah)
2. Rahimidin Zahari adalah seorang penyair muda yang sangat berbakat. Puisi-puisi beliau menuntut ketelitian dan pemikiran khalayak bagi memahaminya. Berdasarkan puisi berjudul “Batu-Batu di Laman”, bincangkan isu alam sekitar yang cuba diketengahkan oleh beliau (Lampiran B).

(25 markah)
3. Salmiah Ismail adalah seorang penyair dari negeri Cik Siti Wan Kembang yang mula dikenali sekitar tahun-tahun 1980-an kerana puisi-puisinya yang ringkas, padat dan bermakna. Puisi beliau berjudul “Masa” dinukilkan daripada pengalaman peribadi namun membawa makna universal. Bincangkan (Lampiran C).

(25 markah)
4. Penghujung abad ke-20 sehingga abad ke-21 menyaksikan kecemerlangan Husna Nazri dan bidang perpuisian tanah air. Kecemerlangan tersebut ditandai puisi-puisi yang mencabar pemikiran khalayak. Hal ini tidak terkecuali bagi puisinya yang berjudul “Sepohon Fikir”. Bincangkan (Lampiran D).

(25 markah)
5. Zurinah Hassan terkenal sebagai penyair yang sangat sensitif tentang pergolakan dalam masyarakat. Puisinya “Gadget” memaparkan situasi kontemporari yang amat membimbangkan. Buat satu analisis kritis dengan merujuk fenomena di Malaysia (Lampiran E).

(25 markah)
6. Antologi *Ikan Dalam Jiwa* oleh Fahd Razy pernah tersenarai sebagai finalis Hadiah Sastera Perdana. Puisi-puisi dalam antologi berkenaan bersandarkan keyakinannya pada Allah SWT. “Nota Kecil Di Hujung Isyak II” adalah refleksi daripada keyakinan tersebut. Bincangkan unsur-unsur Islam yang dialaminya. (Lampiran F).

(25 markah)

LAMPIRAN A

SKETSA WARGA KOTA

Jalan raya hujungnya entah di mana
Keluar masuk lorongnya sesak sepanjang
anak kecil jadi bimbang putusnya 4aying
disinilah aku berdiri dan tak akan pulang
ingatan tinggal di desa bersama kakak seorang
sekali sekala kuterima khabar dan salam
anakku adalah anak saudaramu kakak
di sini dia membesar dan tak akan pulang-pulang

Jalan raya hujungnya sesat di tengah kota
ini rumah gila yang pintunya menganga
di taman bunga kekasih bermain cinta
malam nanti mimpinya sebuah kilang terbakar
penjaganya dirompak dan pengurusnya bangkrap
pejabat buruh sekali pagi sibuk mendaftar
seribu orang tiba-tiba bergelar penganggur
saban hari bergelut dan sesekali kembali ke desa

*Antologi Jalan
Desa ke Kota, 1994
17.*

LAMPIRAN B

BATU-BATU DI LAMAN

Batu-batu di laman ini
seperti ada tempikan
yang tak kita dengari;
ingin kembali bercantum di bukit-bukit,
ingin kembali berteduh di bawah bayang pohon-pohon
dan merasa kejapnya akar mencengkam di celah-celah
tubuh,
ingin kembali mendengar merasa sejuknya air mengalir dari
anak-anak sungai menerjun lurah-lurah.

Sayangnya
bukit-bukit telah rata
pohon-pohon telah tumbang
burung-burung telah hilang
anak-anak sungai telah tertimbus

(Rahimidin Zahari)

LAMPIRAN C

MASA

Suatu subuh
setelah semalaman bergelumang kerja
aku terpandang ke langit
bertaburan bintang mengerdip
cahaya jernih gemerlap
 bagai berlian tepanah pelita
 indahnyanya alam semesta

di celah subuh bening
fajar siddiq memerah di kaki langit
damainya hati
memesrai keindahan ciptaanmu rabbi

demi waktu
 sesungguhnya banyaknya waktu tersia
 pengalaman yang tidak akan berulang
 bahagianya penghuni alam
 yang tidak dijengah lengah

di saat ini
 bunga-bunga membuka kelopak
 burung-burung bernyanyi riang
 ungags berterbangan bebas
 menyambut rahmatmu yang tak terbatas

ruginya aku selama ini
tertipu oleh godaan waktu
yang ganas dan semburu

clapton, London
11 januari 1995

*Antologi A Piece
Of Leaf.2013:43*

LAMPIRAN D

SEPOHON FIKIR

Dalam dadaku telah tumbuh pohon fikir
akarnya menjalar di lembah pertimbangan
berpaut di tanah batiniyah
menjelajah jauh di ruang-ruang ilmiah
menghirup segala urat dan zat kebenaran
dalam teguh erat keyakinan
setiap kali pohonku bergoyang dihasut angin liar
berlidah agenda yang entah siapa penyebarannya
daun-daun fikirku renyah dicumbui gelisah
disihir sangsi yang mencumbui pohon tunjang peribadi.

Pohon fikir yang tumbuh di perdu kalbu
tidak pernah mengalah oleh desir hitam
yang mengirim hasutan
kerana kejap hati telah bersebati disuburi keyakinan
memilih lorong-lorong kebenaran
menolak bisik petualang yang sesekali melontarkan
kepalsuan ke tengah laman
sehingga kebun ketuanan kita bersawang
oleh liar lalang-lalang anasir beruncing serakah
melontar domba dan mencipta prasangka
di tengah gelodak tubuh dan nista yang tiada hujungnya.

Dalam diriku mengalir sungai fikir
jernihnya berkemilau mengerdip cinta
menghalau sampah walang ke dalam longkang
hitam kepalsuan.

(Husna Nazri)

LAMPIRAN E

GADGET

Gadet dan IT
keajaiban tak terbayang
pada zaman muda kami.

Gadget dan IT
kembara tak bertepi
kuasa di hujung jari,
atau inikah
penjara tanpa sempadan
dan kita dengan sukarela
menjadi banduan
yang tidak pernah ingin keluar
dari dinding kelekaan

Dengan suara yang hamper hilang
kami memanggil anak-anak pulang
dari gedung khayalan
namun kuasa ini tak terlawan

Setelah tidak telawan
kami pun turut menyertai
mengharap GPS
menjadi petunjuk
dan pedoman
ke jalan kebenaran

(Zurinah Hassan)

LAMPIRAN F

NOTA KECIL DI HUJUNG ISYAK II*

Malam yang keras
kutakung seluruh Cinta yang melimpah di sejadah
menyatu di rumah iktikaf; terpecah harumnya
Yang menakluk seluruh negeri peribadi
saat segugus bintang
dan secebis bulan
menjadi seutas tasbih
di tangan kecilku.

Sekali ini, wahai pemilik langit, izinkan
aku berbicara dengan percakapan tulus
tentang usia yang kian sarat
dan perjalanan yang betapa berat
bahawa aku adalah lelaki
yang kehilangan sejuta kudrat
dihunus
oleh dosa lampau yang terselirat.

Anugerahkan aku sekuntum nafas terakhir
yang terpetik
dari sebidang lading syahadah
lantas subur jalannya
damai menghantarku berteduh di bawah
rendang pohon-Mu.

Lewat iklim muhasabah yang gelisah ini
kuintai dengan sorot hati
segeluk doa
yang meumpah di bawah langit
betapa aku adalah kesombongan yang kerdil
terbunuh di bawah ketinggian-Mu
agung tak terjangkau
oleh tumpul sebilah lidahku.

Malam yang keras.
segugus bintang
dan secebis bulan
menyatu dalam sehelai nota tahajudku.

South Circular Road, Dublin
5 Februari 2006p
Mingguan Malaysia, 23 Julai 2006

*Hadiah Utama, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2006